



## GARIS PANDUAN PERMOHONAN

### PROGRAM PINJAMAN PELAJARAN MARA KE UNIVERSITI TERBAIK DUNIA 2021 WORLD'S TOP UNIVERSITIES PROGRAMME (WTU) 2021

MARA menawarkan pinjaman pelajaran boleh ubah kepada pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian peringkat ijazah Sarjana Muda di universiti terbaik dunia. Program ini bertujuan melahirkan bakal pemacu ekonomi profesional dan meningkatkan bilangan tenaga kerja yang lebih kompetitif dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

#### 2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

##### 2.1 Syarat Umum

2.1.1 Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa bertaraf **bumiputera** dan **warganegara Malaysia**.

2.1.2 Had umur pemohon pada **31 Disember 2021**:

Peringkat Pengajian	Had Umur
Ijazah Sarjana Muda	Tidak melebihi 30 tahun

2.1.3 Belum mempunyai kelayakan akademik bagi peringkat yang dimohon.

2.1.4 Pemohon wajib disahkan mempunyai kesihatan yang baik oleh pengamal perubatan berdaftar serta bebas dari mengandung, penyakit mental, cacat fizikal, penyakit berjangkit (HIV-AIDS, Hepatitis B & C dan lain-lain), epilepsy, penyakit genetik dan penyalahgunaan dadah serta tiada rekod masalah mental.

2.1.5 Tidak mendapat bantuan kewangan/tajaan daripada mana-mana agensi bagi pengajian di peringkat yang sama.

2.1.6 Pemohon, Ibu, Bapa dan Penjaga TIDAK di senarai hitam atau dalam tindakan undang-undang oleh MARA.

2.1.7 Tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin, tindakan undang-undang negara serta tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana institusi pengajian atas masalah akademik dan disiplin.

- 2.1.8 Mendapat pelepasan/penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain. Bagi calon yang sedang dalam perkhidmatan perlu mendapat kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau pengesahan bertulis mengenai peletakan jawatan daripada majikan.

## 2.2 Syarat Khusus

- 2.2.1 Terbuka kepada pelajar yang telah mendapat surat tawaran daripada universiti atau sedang melanjutkan pengajian peringkat ijazah Sarjana Muda di universiti terbaik dunia seperti senarai **Lampiran 1**
- 2.2.2 Bidang atau kursus yang diambil mestilah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau Badan-badan Profesional di Malaysia.
- 2.2.3 Pendapatan Keluarga (Ibu dan ayah / penjaga) tidak melebihi RM60,000 sebulan **atau** tidak melebihi RM600,000 pendapatan bercukai tahunan.

2.2.4 Syarat kelayakan akademik mengikut peringkat adalah seperti berikut:

Peringkat	Luar Negara
Ijazah Sarjana Muda	<b>International Baccalaureate (IB)</b> : 35/45 pt <b>A-Level</b> : 13/15 pt <b>Foundation/Asasi/Matrikulasi/Diploma</b> : CGPA 3.6/4.0 IELTS: BAND 6.5 @ TOEFL: 100/120 @ SAT: 1200/1600

## 3.0 TEMPOH PINJAMAN

- 3.1 Tempoh pinjaman bagi pelajar baharu adalah berdasarkan tempoh pengajian sebenar manakala bagi pelajar sedia ada tempoh pengajian tidak kurang daripada 1 tahun.

## 4.0 PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (*online*) dengan melayari laman web rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> mulai 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.
- 4.2 Permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dimaklum (melalui emel /sms) untuk menduduki ujian penilaian.
- 4.3 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

## **5.0 PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

Emel : [wtu@mara.gov.my](mailto:wtu@mara.gov.my)

Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA  
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA  
21 Jalan MARA  
50609 Kuala Lumpur

## LAMPIRAN 1

### Senarai Universiti Terbaik Dunia bagi Tahun 2021

No.	Universiti-Univeristi Terpilih	Negara
1	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	USA
2	Stanford University	USA
3	Harvard University	USA
4	California Institute of Technology (Caltech)	USA
5	University of Oxford	UK
6	ETH Zurich - Swiss Federal Institute of Technology	Switzerland
7	University of Cambridge	UK
8	Imperial College London	UK
9	University of Chicago	USA
10	University College London	UK
11	National University of Singapore (NUS)	Singapura
12	Princeton University	USA
13	Nanyang Technological University (NTU)	Singapura
14	EPFL	Switzerland
15	Tsinghua University	China
16	University of Pennsylvania	USA
17	Yale University	USA
18	Cornell University	USA
19	Columbia University	USA
20	The University of Edinburgh	UK
21	University of Michigan Ann Arbor	USA
22	The University of Hong Kong	Hong Kong
22	Peking University	China
24	University of Tokyo	Japan
25	Johns Hopkins University	USA
25	University of Toronto	Canada
27	The Hong Kong University of Science and Technology	Hong Kong
27	The University Of Manchester	UK
29	Northwestern University	USA
30	University of California, Berkeley (UCB)	USA

SUMBER: SENARAI QS WORLD UNIVERSITIES RANKING 2021

#### NOTA:

PENGHANTARAN PELAJAR KE LUAR NEGARA ADALAH BERGANTUNG KEPADA SITUASI TERKINI PANDEMIK COVID-19 DAN MENDAPAT KEBENARAN DARIPADA UNIVERSITI DAN PIHAK BERKUASA NEGARA YANG TERLIBAT.